

22/07/2000

Mungkin ada ahli Pas sertai Al-Ma'unah: Nik Aziz

KOTA BHARU, Jumaat - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata beliau tidak mendapat gambaran jelas mengenai ada di kalangan ahlinya menyertai Al-Ma'unah.

Bagaimanapun, beliau yang juga Menteri Besar Kelantan tidak menolak kemungkinan ada ahli Pas yang terbabit dalam gerakan anggota kumpulan berkenaan.

Menurutnya, walaupun ada ahli Pas yang menyertai kumpulan itu sebelum ini, mungkin mereka tidak sedar bahawa pergerakan dan ajarannya boleh membahayakan keselamatan negara.

"Kita semua, termasuk polis (ketika itu) tidak sedar kumpulan ini (Al-Ma'unah) satu pergerakan yang berbahaya, walaupun ia sudah lama ditubuhkan," katanya ketika dihubungi di rumahnya di Pulau Melaka dekat sini, petang ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kebanyakan daripada 1,800 anggota kumpulan Al-Ma'unah di seluruh negara adalah ahli Pas.

Di ALOR STAR, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, hari ini kesal kenyataan Dr Mahathir bahawa kebanyakan anggota kumpulan Al-Ma'unah adalah ahli Pas.

Beliau berkata, Dr Mahathir sengaja mempolitikkan kejadian kecurian senjata di pos dan kem tentera di Grik, 2 Julai lalu demi kepentingan Umno sekali gus memburukkan imej Pas.

Beliau berkata, Perdana Menteri seharusnya menunggu hingga kertas putih berhubung kecurian senjata itu dikeluarkan.

(END)